

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, March 27, 2019 12:55 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Gangguan Seksual Di Tempat Kerja – Mungkin Anda Mangsanya



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

27 MAC 2019 / 20 REJAB 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA - MUNGKIN ANDA MANGSANYA



UUM ONLINE:

"Jambang kamu seksi "

"Badan awak macam bantal peluk"

"Kata-kata ini mungkin dianggap gurauan tetapi awas, tanpa kita sedar mungkin boleh dicaj sebagai gangguan seksual yang menyebabkan tekanan atau ancaman kepada mangsa bergantung kepada pemberatan keterangan."

Demikian peringatan Timbalan Penasihat Undang-undang, UUM, Dr. Yusramizza Md Isa dalam Taklimat Berkenaan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja kepada penjawat utama yang berlangsung di Dewan Seminar C, Pusat Konvensyen, UUM.

Gangguan Seksual terbahagi kepada dua iaitu ugutan seksual dan gangguan yang tiada hubungan dengan ugutan atau habuan pekerjaan tetapi tidak diingini atau disenangi.

Jelasnya, apa-apa tingkah laku berunsur seksual yang tidak disukai sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal yang dianggap menjatuhkan maruah, penghinaan atau ancaman terhadap mangsa, itulah gangguan seksual.

“Gangguan seksual adalah apa-apa bentuk perhatian seksual, baik yang diucapkan atau perbuatan bersifat seksual atau berulang-ulang yang membawa kesan gangguan emosi, psikologi atau fizikal yang tidak diundang atau tidak disenangi.

“Mangsa gangguan seksual tidak semestinya lelaki kepada perempuan boleh jadi orang yang menerima gangguan seksual lelaki dengan lelaki, wanita ke atas wanita atau wanita ke atas lelaki,” ujarnya yang mengupas Kod Amalan Pencegahan Dan Pengendalian Kes Gangguan Seksual Universiti Utara Malaysia yang berkuatkuasa pada 5 Mei 2017.

Ujarnya, gangguan seksual merupakan suatu jenayah yang boleh didakwa di bawah Seksyen 354, 355, 376(2)(f) dan 509 Kanun Keseksaan.

Seksyen 509 Kanun Keseksaan memperuntukkan barang siapa dengan maksud hendak mengaibkan kehormatan seseorang, menyebut apa-apa perkataan, membuat apa-apa bunyi atau isyarat, atau menunjukkan apa-apa benda, dengan maksud supaya perkataan atau bunyi itu didengar, atau supaya isyarat atau benda itu dilihat oleh seseorang itu, atau mengganggu kesantunan seseorang itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai lima tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

Katanya lagi, cubaan merapati orang lain secara seksual atau meminta layanan seksual daripada orang itu; menyebut apa-apa perkataan, membuat bunyi atau isyarat atau menunjukkan apa-apa benda atau gambar supaya dilihat oleh seseorang itu atau mengganggu kesantunan seseorang.

Gangguan seksual di tempat kerja termasuklah yang berlaku di luar tempat kerja yang timbul daripada tanggungjawab yang berkaitan dengan pekerjaan seperti semasa mengikuti kursus, semasa menjalankan tugas di luar UUM, melalui media elektronik dan semasa perjalanan.

Selain itu katanya, ugutan seksual pula ialah gangguan seksual yang dianggap oleh seseorang sebagai menjadi syarat bersifat seksual ke atas pekerjaannya atau pembelajarannya.

“Gangguan ini mempunyai kesan langsung kepada kedudukan seseorang staf, status pekerjaan atau prestasi akademik seseorang pelajar atau membawa kepada keuntungan atau kerugian faedah pekerjaan yang nyata.

“Misalnya pelantikan ke jawatan tertentu, kenaikan pangkat yang sukar ditolak, sokongan untuk mendapat anugerah cemerlang atau anjakan gaji, atau sokongan untuk menghadiri seminar ke luar negeri, sokongan serta kelulusan permohonan bantuan kewangan dan cuti,” tambahnya.

Menurutnya, ugutan seksual apabila seseorang ketua menggunakan kuasanya mengenai kenaikan pangkat stafnya dengan memaksanya untuk membuat hubungan seksual.

“Contohnya pensyarah kata kepada pelajarinya, *kalau nak A tidur dengan saya*, atau boss meminta stafnya *menjadi teman sosial sekiranya mahu naik pangkat*.

“Jika diikuti, dapatlah kenaikan pangkat dan gaji yang lebih tinggi. Sebaliknya jika tidak diikuti, hilanglah peluang kenaikan pangkat tersebut dan bagi pihak pelajar pula, terdapat tekanan untuk menerima amalan seks untuk mendapat gred A,” ujarnya

Jika anda atau rakan-rakan menjadi mangsa gangguan seksual, bolehlah menghubungi kaunselor atau Unit Tatatertib, Jabatan Pendaftar, UUM.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.